



PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN ROMPIN
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>



29 Mac 2018

**Kenyataan Media YB Dato' Sri Hasan Arifin, Pengerusi Jawatankuasa
Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen Berhubung Pembentangan
Laporan PAC Parlimen Berhubung Program Bantuan Dan
Perkhidmatan Kepada Warga Emas Di Bawah Kementerian
Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan
Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).**

- 1) PAC Parlimen hari ini, membentangkan Laporan PAC berhubung Program Bantuan dan Perkhidmatan kepada Warga Emas di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
- 2) Isu ini adalah penemuan Jabatan Audit Negara (JAN) dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2016 Siri 1 yang dibentangkan di Parlimen pada 31 Julai 2017.
- 3) PAC Parlimen mengadakan Mesyuarat Prosiding berhubung isu ini, pada 4 Oktober 2017 dengan memanggil Ketua Setiausaha KPWKM, Datuk Dr Rose Lena binti Lazemi dan Dato' Zulkiply bin Ramli, Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi menjelaskan isu yang dibangkitkan JAN.

- 4) Dalam Mesyuarat Prosiding berkenaan, ahli-ahli PAC Parlimen membangkitkan isu-isu seperti berikut:
- i) Lima (5) daripada 12 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang dilawati masih tidak mematuhi arahan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia yang menghendaki bayaran Bantuan Orang Tua (BOT) dibuat melalui bank. Pembayaran secara tunai bagi BOT melibatkan wang tunai sejumlah RM547,200 bagi bulan November 2016.
 - ii) Kelemahan dalam agihan tunai BOT seperti pengiraan wang secara beramai-ramai tanpa had; kelemahan terhadap proses pengesahan penerimaan dan pembayaran; kad bagi tuntutan kewangan tidak dilengkapi dengan ciri keselamatan; terdapat pembayaran BOT kepada penerima yang telah meninggal dunia.
 - iii) Perbelanjaan sejumlah RM70,988 oleh Pusat Perkhidmatan Warga Emas (PAWE) tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan dan tiada permohonan dibuat untuk perbelanjaan tersebut.
 - iv) Terdapat salah guna bantuan geran peruntukan PAWE dengan memberi pinjaman sejumlah RM95,200 kepada penyelia dan NGO yang mengurus serta mengendalikan PAWE.
 - v) Tiada permohonan dibuat bagi lebihan belanja sejumlah RM46,733 semasa perolehan peralatan dan kelengkapan PAWE.

- vi) PAWE baru masih tidak beroperasi sejak penubuhannya pada November 2015.
- 5) Berdasarkan Mesyuarat Prosiding berkenaan, PAC Parlimen merumuskan bahawa:

PAC Parlimen bersetuju bahawa negara kita akan menuju ke arah negara *ageing society*. Seharusnya KPWKM bertindak lebih proaktif dan mencari pelbagai alternatif dalam menuju ke arah sebuah negara yang berkebajikan.
- 6) Berikutan itu, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan supaya:
 - i) Kaedah kajian semula penerima bantuan BOT bagi tujuan perlanjutan tempoh bantuan perlu diteliti dan diperkemaskan bagi menggalakkan bantuan kepada penerima yang layak terputus atau tertangguh.
 - ii) Kekerapan tinjauan dan pemantauan di lapangan oleh pihak Kementerian/Jabatan perlu dilaksanakan.
 - iii) KPWKM digalakkan untuk meningkatkan kadar bantuan bulanan BOT selaras dengan kenaikan kos sara hidup.
 - iv) JKM perlu menyediakan latihan khusus kepada kakitangan PAWE dalam menjaga / menguruskan warga emas dengan lebih profesional.

- v) KPWKM dan JKM perlu memastikan setiap peralatan yang dibekalkan kepada PAWE perlu di selenggara dengan baik serta tidak hanya bergantung kepada geran Kerajaan semata-mata.
 - vi) PAC mahu agensi penguatkuasa berkaitan memberikan maklumat berhubung siasatan terhadap salah guna bantuan geran PAWE.
- 7) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen berhubung Program Bantuan dan Perkhidmatan kepada Warga Emas di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC Parlimen di alamat www.parlimen.gov.my/pac

Yang Berhormat Dato' Sri Hasan Arifin
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara
Parlimen Malaysia